

Azita dedah rahsia rangkul tujuh emas



Padang Besar: Amalan membaca surah Yasin sebelum ber-tanding menjadi rahsia di se-balik kejayaan atlet kanu Te-rengganu, Nor Azita Ibrahim memenangi tujuh pingat emas pada penampilan pertamanya di Sukan Malaysia (SUKMA).

“Ini SUKMA pertama yang saya sertai... tetapi keyakinan diri untuk mencipta kejayaan itu amat penting sebelum berlumba,” kata anak kelahiran Chendering, Terengganu itu.

“Bagi saya, saya perlu beri tumpuan sepenuhnya dalam latihan kerana saya percaya usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh pasti akan membuahkan hasil,” katanya yang turut menjadi pe-

nyumbang pertama emas kepada kontinjen Terengganu dengan mengungguli acara K1.

Pada hari terakhir kanu semalam, atlet berusia 18 tahun itu menambah tiga lagi emas menerusi acara K4 200m, K1 200m dan K2 200m yang lebih manis dimenangi bersama kakaknya Noor Azira.

Pengganti Siti Rajiah

Dengan kejayaannya itu, dia yang mempunyai seorang lagi adik yang turut beraksi di Perlis, Nussaibah Syahida Ibrahim diang-garkan menerima durian runtuh RM42,000 daripada kerajaan ne-geri Terengganu yang berjanji akan memberi ganjaran RM6,000 kepada pemenang emas.

Sementara itu, jurulatih Te-rengganu, Muhammad Hakimi Abdullah berkata, dia sangat ka-gum dengan kebolehan Nor Azi-ta.

“Saya sangat kagum dengan kebolehan dia... kalau dulu ki-ta kenal Siti Rajiah Ali (enam

BIODATA

Nor Azita Ibrahim

☉ **Tarikh lahir:** 25 April 1996

☉ **Tempat lahir:** Chendering

☉ **Acara disertai:**

K1 1000m - emas

K4 1000m - emas

K1 200m - emas

K2 200m - emas

K4 200m - emas

K1 500m - emas

K4 500m - emas

emas di SUKMA 2011), tetapi kini dia boleh dikatakan se-bagai penggantinya,” katanya.

Dia turut gembira kerana Nor Azita menjadi penyum-bang separuh daripada 14 emas yang diraih skuad kendaliannya untuk muncul juara keseluru-han dalam acara itu sekali gus mengatasi pencapaian 11 emas di Kuala Lumpur 2011.

- BERITA HARIAN -

28/5/14